

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL

KAWASAN : PAYA BESAR

TARIKH : 22.11.2016 (SELASA)

NO. SOALAN : 29

YB DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan keberkesanan transformasi yang dicapai oleh PROTON serta unjuran masa hadapan PROTON.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam usaha untuk menjamin PROTON dapat terus berdaya saing, PROTON telah membangunkan pelan pemulihan perniagaan baharu yang dapat menyelesaikan isu-isu penstrukturan semula perniagaan syarikat.

Usaha transformasi ini turut disokong dengan penubuhan Pasukan Petugas (*Task Force*) yang diterajui YBhg. Dato' Seri Idris Jala, Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU). Pasukan Petugas (*Task Force*) yang ditubuhkan oleh Kerajaan adalah untuk memantau program pemulihan PROTON bagi memastikan pengeluar kereta nasional itu pulih sepenuhnya daripada isu-isu cabaran yang dihadapi sekarang.

Bagi menilai tahap keberkesanan pelan transformasi PROTON ini, Pasukan Petugas ini telah menggariskan beberapa indeks prestasi utama yang perlu dicapai oleh PROTON seperti kualiti, prestasi pengeluaran, produktiviti dan prestasi syarikat. Sejak Kerajaan memberi pinjaman mudah sebanyak RM1.5 bilion, PROTON telah menunjukkan beberapa perkembangan positif antaranya dari segi pengeluaran tiga model baharu pada tahun ini serta peningkatan permintaan dan jualan. Sehingga 31 Oktober 2016, jualan bagi Persona adalah sebanyak 5,869 unit dan Saga telah dijual sebanyak 3,380 unit. PROTON telah mengambil pendekatan yang menitikberatkan citarasa dan keperluan bakal pembeli berbanding mengikut segmen pasaran yang dilihat kurang strategik.

PROTON turut mengambil langkah yang lebih pragmatik untuk sentiasa mendapat akses kepada teknologi-teknologi yang baharu dan canggih. Metodologi ini diadaptasi menerusi usahasama penyelidikan dengan institusi luar supaya penjanaan idea kreatif berterusan terhasil. Pada masa ini, PROTON turut sedang berunding untuk mendapatkan rakan kongsi asing yang akan membantu dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk memastikan syarikat lebih berdaya maju serta berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Bagi unjuran masa hadapan, PROTON perlu menumpu kepada pasaran eksport dan tidak lagi boleh terlalu bergantung kepada pasaran tempatan. Eksport seharusnya menjadi penyumbang utama kepada pendapatan PROTON berbanding dengan jualan tempatan. Pada tahun ini, PROTON telah mengeksport kenderaan ke Chile dan merancang untuk turut mengeksport ke negara-negara lain. Dengan adanya angka jualan dan sambutan hebat dari luar negara, ianya akan mampu mengembalikan keyakinan dan seterusnya mengubah persepsi negatif pembeli dalam negara terhadap PROTON.